

Lai Kwan sapu bersih

Ratu akuatik UPM itu rangkul 13 emas semua acara individu serta dua perak berpasukan

>>Oleh Wan Noriza Meor Idris
wannoriza@nstp.com.my

MENEPATI ramalan. Bekas atlet kebangsaan, Chui Lai Kwan gah menutup tirai acara akuatik semalam, selaku ratu kolam renang apabila mengumpul 13 pingat emas bagi menjadikannya punggutan terbanyak Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) setakat ini.

Lantaran itu, sekiranya tiada atlet yang mampu menyaingi kehebatan wakil Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, Lai Kwan pastinya menjadi calon utama untuk dinobatkan Olahragawati sulung SUKIPT yang julung kali diadakan.

Atlet berusia 21 tahun itu menyapu bersih semua 13 acara individu disertainya dengan hanya tewas dalam acara berpasukan apabila meraih dua perak.

“Saya amat bangga kerana bukan saja berjaya mengumpul pingat emas terbanyak SUKIPT tapi lebih manis, sa-

ya tidak pernah mendominasi acara renang sebanyak ini meskipun menyertai banyak kejohanan utama.

“Jika berjaya melakar sejarah dinobatkan Olahragawati SUKIPT pertama, pastinya itu lebih hebat,” katanya yang menyertai 15 acara di SUKIPT.

Pada acara penutup tirai semalam, Lai Kwan mengungguli tiga acara, 50 meter gaya bebas, 100m kuak lentang dan 200m kuak kupu-kupu. Namun, dia meraih perak acara 4x100m rampaian berganti-ganti di belakang Universiti Malaysia (UM) manakala Kolej Tunku Abdul Rahman, ketiga.

Kemenangan Lai Kwan itu turut meletakkan UPM mendominasi keseluruhan acara renang dengan kutipan 15 emas, empat perak dan satu gangsa. Universiti Sains Malaysia (USM), kedua, 7-8-10 manakala UM, 6-8-3, ketiga.

Sementara itu, bagi acara memanah, atlet elit Arif Farhan Ibrahim menyumbang dua emas buat UPM ma-



CERIA...Lai Kwan (kanan) merangkul 13 pingat emas dan lan Leong Bell dari USM memenangi tujuh emas.

sing-masing menerusi kategori individu dan berpasukan 70m recurve.

“Dengan kemenangan berganda ini, saya meletakkan sasaran untuk meraih satu

lagi emas berpasukan esok (hari ini) untuk menundukkan Universiti Teknologi

Mara (UiTM),” katanya. UiTM masih mendahului dengan tiga emas.